

22 MAY 2001

Mahathir-Kelantan

PERDANA MENTERI LAWAT KELANTAN 25 DAN 26 MEI INI

KOTA BAHARU, 22 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat Kelantan pada Jumaat dan Sabtu ini, yang ketiga dalam tempoh dua bulan ini.

Perdana Menteri telah melawat Kelantan pada 7 April dan sekali lagi 20 April lepas.

Sebaik tiba pada 8.45 pagi, beliau akan meninjau dan mendengar taklimat mengenai kemajuan pembinaan terminal baru Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, demikian menurut kenyataan Jabatan Penerangan di sini hari ini.

Dari situ, Perdana Menteri akan ke sebuah hotel di sini untuk merasmikan Konvensyen Industri Kecil dan Sederhana anjuran Dewan Perniagaan Melayu Malaysia cawangan Kelantan.

Selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Pengkalan Kubur di Tumpat, beliau akan menghadiri majlis jamuan rakyat di rumah seorang pemimpin masyarakat, Zainal Hashim, juga di Pengkalan Kubur.

Kemudian Dr Mahathir akan menemui pemimpin Umno Bahagian Tumpat dan Bahagian Rantau Panjang di Institut Kemahiran Mara di Pasir Mas.

Pada malamnya, Dr Mahathir akan menghadiri majlis ramah mesra dan makan malam bersama ulama di Kampung Binjai dekat sini.

Keesokannya, beliau akan merasmikan Program Celik IT di Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian 2 dekat sini dan kemudian akan mengadakan pertemuan dengan pegawai-pegawai kerajaan di Dewan Universiti Sains Malaysia Kampus Kesihatan di sini.

Dr Mahathir akan menghadiri majlis bersama penanam tembakau daerah Bachok dan Pasir Puteh di Kampung Tawang, Bachok pada pukul 2.30 petang.

Beliau dijadual berlepas pulang pada 4 petang.

-- BERNAMA

BD RAR MAI